

28 NOV 1996

PELAN: PEMBANGUNAN KUMPULAN INDUSTRI MESIN DAN KELENGKAPAN PENTING

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pembangunan kumpulan industri jentera dan kelengkapan adalah penting kepada keseluruhan pembangunan industri kerana ia melibatkan keseluruhan kelompok industri, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Oleh yang demikian, kumpulan industri ini akan dibangunkan sebagai kelompok berteraskan dasar melalui penyediaan insentif khas dengan sokongan prasarana yang diwujudkan khusus bagi memastikan perkembangan kelompok yang berdaya saing untuk menyokong pertumbuhan sektor perkilangan.

MITI menyatakan demikian dalam Pelan Induk Perindustrian (PIP2) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, adalah penting bagi Kerajaan dan juga sektor swasta memainkan peranan yang lebih proaktif bagi memperbetulkan kelemahan yang ada dalam pelbagai subsektor kumpulan industri.

Pada masa ini, kumpulan jentera dan kelengkapan tidak bersepadu dan amat berkurangan dalam industri sokongan utama seperti foundri, penempaan, pemesinan berat dan jitu, reka bentuk perkakas dan fabrikasi.

Keadaan ini wujud terutamanya dalam industri perkakas di mana 80 peratus daripada kegiatan pembuatan acuan dan dai terdiri daripada industri kecil dan sederhana milik keluarga yang menggunakan teknologi dan kemudahan pengeluaran yang rendah.

Di samping itu, kekurangan tenaga buruh, khususnya pekerja mahir dalam teknologi mesin dan perkakas, reka bentuk mesin dan perkakas yang telah menghadkan penggunaan peralatan mesin Kawalan Berangka Komputer merupakan faktor yang merencatkan pembangunan kumpulan industri ini.

Sebahagian besar daripada keperluan industri untuk mesin dan kelengkapan dipenuhi oleh import dan disebabkan oleh kesannya ke atasimbangan perdagangan, adalah menjadi keperluan segera untuk menumpukan usaha kepada pembangunan industri mesin dan kelengkapan, bukan sahaja untuk menyediakan sokongan keseluruhan dan rangkaian perhubungan, tetapi juga untuk mengurangkan import barangan modal oleh sektor perkilangan.

Objektif pembangunan bagi kumpulan industri ini di bawah PIP2 termasuklah membina keupayaan negara dalam rekabentuk dan pembuatan mesin dan kelengkapan penting bagi pasaran tempatan dan juga antarabangsa, dengan yang demikian mengatasi bukan sahaja isu mempertingkatkan rangkaian industri tetapi juga isu import barangan modal yang tinggi.

Industri sokongan penting yang perlu dimajukan ialah foundri, penempaan, pemesinan berat dan jitu serta rawatan haba yang merupakan asas kumpulan industri ini.

Perlu juga dipertingkatkan penglibatan syarikat-syarikat kejuruteraan tempatan dalam projek-projek siapguna bagi mempercepatkan pemindahan teknologi serta mengadakan peluang-peluang pasaran dengan membahagi-bahagikan pakej teknologi daripada projek-projek siapguna ini. --

BERNAMA

MSL KY MA